

29 JULY 2000

Mahathir-Peronda

AMBIL BERAT TANGGUNGJAWAB JAGA SENJATA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua pihak yang bertanggungjawab terhadap senjata pasukan keselamatan perlu mengambil berat tugas masing-masing.

"Saya rasa banyak orang tak ambil berat...kita dah bagi arahan supaya berjaga-jaga dengan senjata yang ada dalam jagaan kita. Tetapi nampak seolah-olah mereka tidak ambil berat...tinggal senjata dalam kereta, tak ada orang jaga," katanya pada sidang media selepas berucap pada Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 2000 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini.

Ketika diminta mengulas kejadian perompak melarikan kereta peronda polis dan juga sepucuk sub-mesingan di Sungai Tua, Selayang pada petang Khamis, Perdana Menteri berkata semua pihak berkaitan perlu sentiasa berjaga-jaga "kerana senjata yang dipegang pun orang boleh rampas".

"Saya rasa eloklah kalau masing-masing bertanggungjawab sikit dan memberi arahan yang tepat mengenai perkara ini," katanya.

Ketika diminta mengulas laporan media asing yang mendakwa beliau menggunakan kejadian itu, yang melibatkan kumpulan Persaudaraan Al Ma'unah, untuk kepentingan politiknya, Dr Mahathir berkata beliau boleh berdiam diri.

"Namun, apa akan terjadi jika kerajaan terus berdiam diri dan perkara seperti itu terus berlaku.

"Baiklah, jika mereka mahu kita diam dan masalah ini semakin menjadi-jadi, orang buat kerja macam ini lagi, sebab kita tak nak sebut...okaylah," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sudah sejak dulu memberi amaran tentang kesan bahaya kempen membenci terhadap kerajaan.

"Inilah kesannya kempen membenci orang...tak ada fikir langsung, sanggup bunuh orang, sanggup seksa orang...kerana bencilah. Benci kepada saya, nak suruh saya turun, jangan jadi PM," katanya.

Pada 2 Julai lepas, sekumpulan 15 orang menyamar sebagai anggota tentera dan merompak pelbagai jenis senjata di dua kem tentera di Perak. Dua anggota pasukan keselamatan yang mereka jadikan tebusan telah dibunuh.

-- BERNAMA

MNY MAI